

03 JUL 1997

Mahathir-Bandaraya

TINGKATKAN MUTU HIDUP BANDAR

KUALA LUMPUR, 3 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyarankan agar kajian semula dilakukan terhadap falsafah dan identiti bandaraya-bandaraya daripada segi mewujudkan kehidupan yang lebih bermutu.

Ini perlu dilakukan pada ketika pihak-pihak berkenaan terpaksa bergelut dengan masalah penduduk yang meningkat, bangunan pencakar langit yang semakin bertambah, Lalulintas yang dahsyat dan tuntutan penduduknya yang sentiasa mahukan perkhidmatan lebih baik.

Dr Mahathir berkata demikian dalam perutusannya untuk pameran "Hidup Bandar Yang Berkualiti" (QUL '97) yang diadakan sempena persidangan Datuk Bandar Selatan-Selatan di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Lebih daripada 120 syarikat dari 13 negara mengambil bahagian pada pameran yang diadakan serentak dengan perayaan ulang tahun ke-25 Kuala Lumpur itu.

Pemangku Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim merasmikan persidangan itu yang dihadiri kira-kira 300 pemimpin dan perancang bandaraya dari negara-negara Selatan. Beliau kemudian melawat pameran itu.

Dalam perutusannya itu, Dr Mahathir berharap perbincangan pada persidangan itu akan menghasilkan penyelesaian kepada isu-isu mengenai bandaraya.

"Kita kini dalam suatu era apabila perubahan teknologi dan bioteknologi mempunyai kesan yang sangat besar.

"Ditambah pula dengan kemajuan dalam maklumat dan teknologi, cara kita bekerja dan hidup akan berubah dan yang turut bersama-samanya ialah nilai sosial kita," kata beliau.

Memandangkan kedudukannya sebagai tumpuan manusia, bandaraya menjadi tempat yang sangat mudah terdedah kepada kesan negatif daripada perubahan sosial, katanya.

Oleh itu usaha hendaklah diperhebatkan untuk mengurangkan masalah itu, katanya.

Datuk Bandar Kuala Lumpur Tan Sri Kamaruzzaman Shariff pula berkata pameran itu akan menonjolkan teknologi dan penyelesaian terbaru terhadap masalah bandar mengenai isu-isu seperti alam sekitar, perumahan, penjagaan kesihatan, pengangkutan dan kemudahan awam.

Pameran itu dijangka menarik kira-kira 15,000 pengunjung. -- BERNAMA  
AZZ NMO